



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986
DR.20/1986

D.R. 20/86

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG PENYERAHAN
BAHAN PERPUSTAKAAN 1986**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Pusat Penyerahan Negara.
4. Penyerahan naskhah bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.
5. Pemuliharaan, pendaftaran bahan perpustakaan, bibliografi negara dan rekod statistik.
6. Pelupusan bahan perpustakaan.
7. Pembayaran bagi bahan perpustakaan bercetak.
8. Perkiraan dengan jabatan atau agensi Kerajaan.
9. Kewajipan sebagai tambahan kepada kewajipan di bawah undang-undang lain.
10. Peraturan-peraturan.
11. Pemansuhan.

JADUAL 1.

JADUAL 2.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi pengumpulan, pemuliharaan, pengawalan bibliografi dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan untuk menyediakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya meng-
hendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“bahan perpustakaan” ertinya apa-apa bentuk cetakan, grafik, audio, elektronik atau media lain, di atas atau di mana maklumat ditulis, direkod, disimpan, dipamer atau dikeluarkan dan dikategorikan bagi maksud Akta ini ke dalam—

- (i) bahan perpustakaan yang bercetak termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster;
- (ii) bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain;

“bercetak” ertinya apa-apa gambaran aksara di atas mana-mana bahan melalui apa-apa cara teraan mekanik;

“diterbitkan” ertinya bahan yang telah dikeluarkan dan disediakan kepada orang ramai kepada sesiapa ianya boleh dijual atau diedar dengan percuma dan bagi maksud seksyen 4, diterbitkan hendaklah termasuk—

- (a) keluaran terbitan dari mana-mana edisi kedua atau edisi terkemudian bagi bahan perpustakaan jika edisi itu mengandungi tambahan atau perubahan kepada kandungan asal bahan itu; dan
- (b) keluaran terbitan yang terkemudian bagi bahan tersebut dalam bentuk atau format lain;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah peruntukan Akta ini;

Akta 80.

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perpustakaan Negara yang dilantik di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972;

“Menteri” ertinya Menteri yang ditugaskan bertanggungjawab bagi perpustakaan;

“pemuliharaan” ertinya berbagai langkah yang diambil untuk perlindungan, pemeliharaan dan pembaikan yang perlu bagi bahan perpustakaan dan untuk penyelenggaraannya di bawah keadaan-keadaan yang dimaksudkan untuk mengelakkan dan menghalang kerosakan nilai fizikalnya.

Pusat
Penyerahan
Negara.

3. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, adalah dengan ini ditubuhkan sebuah Pusat Penyerahan Negara yang adalah Perpustakaan Negara Malaysia dan yang akan mempunyai tujuan-tujuan berikut:

- (a) untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- (b) untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia; dan

- (c) untuk menyelenggarakan rekod-rekod statistik bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua eksekutif Pusat Penyerahan Negara.

4. (1) Tertakluk kepada seksyen 7, penerbit bagi tiap-tiap bahan perpustakaan bercetak yang diterbitkan di Malaysia hendaklah, dalam masa satu bulan dari penerbitan, menyerahkan kepada Ketua Pengarah, atas perbelanjaannya sendiri, beberapa naskhah bahan perpustakaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 1, naskhah terbaik bahan perpustakaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2 dan Ketua Pengarah akan memberi pengakuan secara bertulis bagi tiap-tiap bahan perpustakaan yang diterima olehnya, kecuali bagi bahan perpustakaan yang diterbitkan secara bersiri, tetap atau tidak tetap, ianya hendaklah diserahkan dalam masa satu minggu dari penerbitan.

Penyerahan naskhah bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

(2) Penerbit bagi tiap-tiap bahan perpustakaan yang tidak bercetak hendaklah juga menyerahkan kepada Ketua Pengarah beberapa naskhah bahan perpustakaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 1, naskhah terbaik bahan perpustakaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2, jika permintaan bertulis dibuat bagi bahan perpustakaan tersebut dalam masa satu tahun dari penerbitannya, dengan syarat bahawa Ketua Pengarah hendaklah membayar bagi kos bahan perpustakaan yang diserahkan sedemikian jika pembayaran diminta oleh penerbit.

(3) Penerbit yang gagal menyerahkan mana-mana bahan perpustakaan yang dia dikehendaki menyerahkan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

(4) Apabila sabitan dibuat di bawah subseksyen (3), mahkamah hendaklah juga membuat perintah bahawa penerbit itu menyerahkan bahan perpustakaan yang dia gagal menyerahkan, jika bahan perpustakaan itu masih boleh didapati dalam bentuk asalnya atau dalam bentuk keluaran ulangan jika bahan tersebut tidak lagi diperolehi dalam bentuk asalnya.

(5) Tanpa menjejaskan peruntukan subseksyen (4), penerbit yang gagal menyerahkan mana-mana bahan perpustakaan yang dia dikehendaki menyerahkan di bawah seksyen ini, hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah, apabila dituntut, kos yang ditanggung oleh Ketua Pengarah bagi membuat keluaran ulangan bahan perpustakaan tersebut.

(6) Apa-apa kos yang dikehendaki dibayar kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen ini akan menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan akan didapati semula dengan apa jua jalan dan cara yang berkuatkuasa pada masa itu bagi mendapatkan semula hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Pemuliharaan,
pendaftaran
bahan
perpustakaan,
bibliografi
negara
dan rekod
statistik.

5. Berhubungan dengan bahan perpustakaan yang diserahkan di bawah peruntukan subseksyen (1) dan (2) seksyen 4, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- (a) untuk menyediakan bagi pemuliharaan dan penggunaan bahan perpustakaan;
- (b) untuk menyelenggarakan suatu daftar yang mengandungi butir-butir bahan perpustakaan;
- (c) untuk menerbitkan bibliografi negara pada kekerapan yang ditetapkan yang mengandungi butir-butir bahan perpustakaan itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah;
- (d) untuk menyelenggarakan rekod-rekod statistik bahan perpustakaan; dan
- (e) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang perlu untuk memberi kesan kepada tujuan seksyen 3.

Pelupusan
bahan
perpustakaan.

6. Ketua Pengarah boleh membenarkan pelupusan apa-apa bahan perpustakaan yang diserahkan kepadanya di bawah peruntukan Akta ini, dengan syarat bahawa di mana-mana praktik satu naskhah bahan perpustakaan itu telah dipulihara dalam bentuk asal atau bentuk lain.

7. Ketua Pengarah boleh, jika dia fikirkan patut, membayar kepada penerbit bahan perpustakaan bercetak mengikut apa-apa skel pembayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Pembayaran bagi bahan perpustakaan bercetak.
8. Ketua Pengarah boleh membuat perkiraan dengan mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan bagi menjalankan dengan lebih baik mana-mana fungsinya di bawah Akta ini. Perkiraan dengan jabatan atau agensi Kerajaan.
9. Kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepada penerbit di bawah Akta ini hendaklah sebagai tambahan dan bukan gantian bagi mana-mana kewajipan lain berkaitan dengan penyerahan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia kepada mana-mana institusi lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa pada masa ini. Kewajipan sebagai tambahan kepada kewajipan di bawah undang-undang lain.
10. Menteri boleh— Peraturan-peraturan.
- (a) membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan tujuan-tujuan Akta ini;
 - (b) menetapkan apa-apa perkara yang perlu ditetapkan di bawah Akta ini; dan
 - (c) meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Akta ini melalui perintah yang diterbitkan di dalam *Warta*.
11. Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 adalah dengan ini dimansuhkan. Pemansuhan. 35/66.

JADUAL 1

(Seksyen 4 (1) dan (2))

BILANGAN NASKHAH-NASKHAH BAHAN PERPUSTAKAAN YANG PERLU DISERAH

Bahan perpustakaan	Bilangan naskhah
1. Bahan perpustakaan bercetak termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster.	5
2. Bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain.	2

JADUAL 2

(Seksyen 4 (1) dan (2))

PERIHAL NASKHAH TERBAIK BAHAN PERPUSTAKAAN

Bahan Perpustakaan	Perihal
1. Bahan perpustakaan bercetak termasuk buku, terbitan bersiri, peta, carta dan poster.	Satu naskhah yang sama kualitinya dengan naskhah terbaik bahan perpustakaan yang diterbitkan, iaitu, naskhah seluruh bahan termasuk semua ilustrasi jika ada dan— (a) disiapkan dan diwarnakan dalam cara yang sama dengan naskhah terbaik bahan tersebut seperti yang diterbitkan; dan (b) dijilid, disambung atau dijahit bersama di atas kertas terbaik di mana bahan itu dicetak.
2. Bahan perpustakaan yang tidak bercetak termasuk filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain.	Satu naskhah yang sama kualitinya dengan naskhah terbaik bahan perpustakaan

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah bagi membuat peruntukan bagi pengumpulan, pemeliharaan, pengawalan bibliografi dan penggunaan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia yang mencerminkan warisan intelek dan kebudayaan negara.

2. Undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia pada masa ini terkandung di dalam Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 yang mana Rang Undang-Undang ini mencadangkan untuk menggantinya. Keperluan bagi penyerahan telah diperluaskan dengan memasukkan bahan-bahan bukan bercetak seperti filem, pita mikroform dan lain-lain di bawah Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* menerangkan definasi perkataan-perkataan tertentu di dalam Rang Undang-undang ini. Definasi "bahan perpustakaan" adalah bertujuan untuk meluaskan skop yang merangkumi kedua-dua bahan bercetak dan bahan bukan bercetak yang diterbitkan di Malaysia. Istilah "pemeliharaan" telah digunakan bagi menggantikan istilah "pemeliharaan" bertujuan untuk merangkumi beberapa langkah yang akan diambil bagi perlindungan, pemeliharaan dan pembaikan yang bersesuaian bagi bahan perpustakaan.

4. Di bawah *fasal 3*, Perpustakaan Negara dilantik sebagai Pusat Penyerahan Negara bagi tujuan untuk mengumpul koleksi yang lengkap dan rekod bibliografi bahan perpustakaan yang diterbitkan di dalam negara dan untuk pemuliharaan bahan tersebut.
5. *Fasal 4 (1)* memperuntukkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab penerbit untuk menyerahkan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia kepada Ketua Pengarah. Jangka masa yang lebih singkat bagi menyerahkan terbitan bersiri adalah dikenakan bagi mengatasi masalah keluaran terbitan bersiri ini yang akan kehabisan cetak. Melalui *fasal 4 (2)* Ketua Pengarah diberi kuasa untuk memohon bahan perpustakaan yang tidak bercetak yang diterbitkan di Malaysia dan penerbit boleh menuntut pembayaran bagi kos bahan yang diserahkan.
6. Tanggungjawab Ketua Pengarah berkaitan dengan bahan perpustakaan yang diserahkan adalah diperuntukkan di bawah *fasal 5*.
7. *Fasal 6* membenarkan pelupusan bahan perpustakaan yang diserahkan.
8. *Fasal 7* memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menggunakan budi bicaranya untuk membayar bagi bahan perpustakaan bercetak yang diserahkan.
9. *Fasal 8* memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat perkiraan dengan mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan yang ditetapkan bagi tujuan menyimpan bahan perpustakaan yang diserahkan.
10. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepada penerbit-penerbit hendaklah menjadi tambahan kepada apa-apa kewajipan lain berkaitan dengan penyerahan bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
11. *Fasal 10* memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan dalam usaha melaksanakan tujuan-tujuan, untuk menetapkan perkara-perkara yang perlu ditetapkan dan untuk meminda Jadual-jadual.
12. *Fasal 11* bercadang untuk memansuhkan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan yang mana amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1064.]